

24/01/2004

F1 Sepang kembali bingit

Haswari Ali

SUDAH pasti, bermula 21 Mac ini, Litar Sepang akan kembali digegarkan dengan deruman enjin Formula Satu (F1) yang dipandu pelumba handalan seperti Michael Schumacher, Rubens Barrichello, Mika Hakkinen, Rubens Barrichello dan Juan Pablo Montoya sempena Grand Prix F1 Malaysia Petronas 2004.

Tentunya kehadiran mereka begitu dinantikan peminat sukan F1 seluruh dunia kerana Litar Sepang tergolong dalam kelompok gelanggang perlumbaan paling mencabar.

Pengurus Besar Sepang International Sirkuit (SIC), Ahmad Mustafa, berkata pihaknya mensasarkan peningkatan penonton kepada 120,000 orang dan menjamin 40 peratus daripadanya datang dari luar negara.

"Matlamat utama kita ialah memikat penonton daripada negara Asia Tenggara dan kita juga mahu pastikan sekurang-kurangnya 10,000 penonton Eropah akan turut datang menyaksikan F1 kali ini. Pada 2003, sebanyak 60 peratus penonton F1 adalah rakyat tempatan manakala selebihnya penonton luar," katanya.

Dalam kejohanan terbaru, seramai 21 pelumba mewakili pasukan Ferrari, McLaren-Mercedes, Williams-BMW, Renault, Suber Petronas, Jaguar, Renault, Minardi, B.A.R Honda, Toyota dan Jordan sudah mengesahkan penyertaan mereka.

Sementara itu, majlis pelancaran Kempen Perlumbaan F1 yang diadakan di Menara Berkembar Petronas (KLCC), baru-baru ini, berlangsung dalam suasana meriah.

Ia disempurnakan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, disaksikan Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin. Hadir sama, Pengerusi Litar Antarabangsa Sepang, Datuk Mokhzani Tun Mahathir dan Pengerusi Persatuan Automobil Malaysia (AAM), Datuk Tunku Mudzaffar Tunku Mustapha.

Majlis itu turut diserikan dengan persembahan duta pilihan F1, Ning Baizura yang anggun dengan busana serba putih rekaan Micheal Ong. Ning menyampaikan lagu Go The Distance.

Sempena kempen berkenaan, empat perlumbaan bertaraf dunia akan dianjurkan di Litar F1 Sepang sepanjang tahun ini iaitu Grand Prix Formula 1, Kejuaraan Japan GT Malaysia, Merdeka Milinnium Endurance dan Grand Prix Motosikal Malaysia manakala 11 perlumbaan tempatan dalam siri Kejuaraan Super Siri Malaysia (MSS) turut dianjurkan.

Acara lain yang akan diadakan di Litar Sepang ialah Larian Formula 1, Asian Festival of Speed (Afos), Cyclethon Malaysia, Kejuaraan Motosikal Asia FIM, Cub Prix Malaysia AAM, Superbike Enduro Pan Global dan Kejuaraan Kebangsaan Proton.